

30/06/1998

Dr M lawat lapangan terbang

SEPANG, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini meluangkan masa kira-kira sejam setengah melawat kawasan sekitar Bangunan Terminal Utama (MTB) dan Bangunan Terminal Satelit (STB) Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Ketibaan beliau yang diiringi isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, disambut oleh Pengarah Urusan Malaysia Airport Berhad (MAB), Datuk Khairuddin Ibrahim dan Pengerusi Penerbangan Malaysia, Tan Sri Tajudin Ramli.

Suasana ketibaan Dr Mahathir dimeriahkan dengan pelbagai pertunjukan kebudayaan yang melambangkan masyarakat pelbagai kaum di negara ini.

Ketika melawat MTB, beliau disambut dengan nyanyian koir, pertunjukan pentomen dan gamelan. Ketika berada di STB pula, beliau dibawa melawat semua premis perniagaan di bangunan berkenaan.

Dr Mahathir dan isteri bermalam di Hotel Air Side Transit dalam kawasan KLIA sebelum berlepas ke Langkawi dengan menaiki pesawat pertama, pagi esok.

KLIA yang dibina dengan kos RM9 bilion akan beroperasi sepenuhnya, esok.  
(END)